UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHH 351 - Pergerakan Protes Di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

2. Jawab EMPAT soalan semuanya. Jawab SATU soalan daripada Bahagian A, SATU soalan daripada Bahagian B, SATU soalan daripada Bahagian C, dan soalan KEEMPAT boleh dipilih daripada mana-mana bahagian.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Jelaskan bentuk-bentuk protes pasif di kalangan rakyat Melayu terhadap pemerintah tradisional pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20.

(100 markah)

2. "Di dalam masyarakat Melayu tradisional, kepimpinan politik berada di tangan golongan bangsawan."

Sejauh manakah kekuatan dan kelemahan corak kepimpinan ini wujud di dalam perjuangan orang Kedah menentang Siam, (1821 - 1842).

(100 markah)

3. SAMA ADA

(a) "Pemberontakan Mat Salleh di Sabah berpunca daripada terkocaknya hubungan tradisional antara pemerintah pusat dengan pembesar daerah". Bahaskan.

(100 markah)

ATAU

(b) "Pencabulan nilai tradisional oleh penjajah membawa kepada penentangan penduduk tempatan". Periksa pernyataan di atas dengan meneliti penentangan di Naning (1831 - 1832).

(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN B

4. "Konflik yang timbul pada mulanya bermatlamat sosioekonomi telah berkembang serta memperlihatkan ciri-ciri keagamaan teristimewa ide Perang Sabil dan Jihad memainkan peranan penting dalam mempercepatkan kemunculan pendapat-pendapat yang militan". (Rahmat Saipan).

Bersetujukah anda dengan pendapat di atas yang merujuk kepada kebangkitan Trengganu, 1928?

(100 markah)

5. "Bandit dilambangkan `mengambil dari yang kaya untuk diberikan kepada yang miskin'".

Nilaikan sejauh manakah terdapatnya unsur metos dan realiti di dalam pernyataan di atas dengan merujuk kegiatan Panglima Nayan?

(100 markah)

BAHAGIAN C

6. "Agamalah yang menjadi perhatian utama al-Imam bukannya perubahan sosial sahaja, jauh sekali perubahan politik" (W.R. Roff). Bincangkan pernyataan ini berasaskan isu-isu protes Kaum Muda terhadap Kaum Tua.

(100 markah)

7. Nilaikan secara kritis peranan golongan komunis dalam gerakan protes di Tanah Melayu sehingga T.M. 1930-an.

(100 markah)

oooOooo